

SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


BIL. 1/1997

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bersempena dengan menjelangnya tahun 1997 Jabatan Perdana Menteri mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua pegawai dan kakitangan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di seluruh negara. Dirakamkan juga ucapan terima kasih dan penghargaan kepada mereka di atas segala kerjasama yang diberikan sepanjang tahun 1996 yang lalu.

Selama beberapa tahun kita telah berazam untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam. Maka dalam tahun 1997 ini azam tersebut perlu terus kita kukuhkan dengan usaha-usaha yang konkrit. Antara usaha-usaha tersebut ialah melaksanakan dengan sempurna Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang telah dilancarkan sempena Hari Perkhidmatan Awam 1996 yang lalu.

Rukun Akhlak dan Etika Kerja tersebut sebenarnya bukanlah perkara baharu. Prosesnya sudah lama berlangsung dari semenjak timbulnya kesedaran bahawa negara kita memerlukan suatu perkhidmatan awam yang cemerlang di mana kita yang berkhidmat di dalamnya wajib mempunyai sikap dan sifat bersih, cekap dan amanah. Kesemuanya itu memerlukan nilai moral yang kukuh. Nilai tersebut bagi kita adalah berlandaskan ajaran agama Islam yang memberi laluan kepada kaedah-kaedah terbaharu dalam bidang pengurusan pentadbiran dan bidang-bidang lain yang berkaitan dengannya. Dalam hubungan ini kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan perlu membuat dayausaha yang bersesuaian supaya kandungan Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang telah dibukukan itu disebarluaskan kepada semua peringkat. Kita memerlukan usaha yang berterusan bagi membudayakan kandungan Rukun Akhlak dan Etika Kerja tersebut .



Azam dan iltizam kita seterusnya dalam tahun 1997 ini ialah untuk mendokong hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi senantiasa memelihara keamanan dan keselamatan negara serta kesejahteraan rakyat dan penduduk. Dalam hubungan ini kita hendaklah senantiasa mengujudkan suasana persefahaman dan kerjasama dengan sektor-sektor bukan Kerajaan sambil meningkatkan persefahaman dan kerjasama sesama sektor Kerajaan. Keamanan dan keselamatan negara serta kesejahteraan rakyat dan penduduk akan senantiasa menjadi matalamat penting Kerajaan Baginda. Perkhidmatan awam adalah merupakan pendorong sambil menjadi sektor yang utama dalam melaksanakan dasar-dasar yang dibuat kerananya. Oleh itu kita hendaklah senantiasa berusaha menimbulkan suasana aman, selamat dan sejahtera.

Akhirnya, Jabatan Perdana Menteri menaruh harapan semoga tahun 1997 akan menyaksikan beberapa kemajuan dan kejayaan yang akan memantapkan langkah kita memasuki kurun ke-21, insya Allah.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية

Selamat Tahun Baru 1997

(Pehin Udana Khatib
Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin
bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman)
Setiausaha Tetap.